



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIRINGKATAN 3

PAT3 2018

UJIAN BERTULIS OGOS

2 Jam

02

Bahasa Melayu

ARAHAN:

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **angka giliran** anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Nama Pemeriksa :

Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
Jumlah	100	

NAMA :

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

Arahan : Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C serta satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A
[25 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kerajaan akan menaik taraf balai raya-balai raya di seluruh daerah untuk memudahkan masyarakat desa bermesyuarat.
-
- (ii) "Patik akan menyediakan hidangan untuk Tuan Puteri Senandung dengan segera," sembah dayang kepada baginda sultan.
-
- (iii) Kami teramat kagum sekali apabila mendengar berita kejayaan atlet itu dalam Sukan Komanwel 2018.
-
- (iv) Musim kemarau yang berpanjangan menyebabkan tanah di bendang itu kontang-kanting.
-

[8 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Para pelajar mesti menjaga tata-tertib ketika berada di dalam makmal untuk mengelakkan sebarang kemalangan.

(ii) Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia untuk menguatkuasakan undang-undang keselamatan jalan raya.

(iii) Keenakkhan makanan tradisional telah mendapat pujian daripada pelancong yang berkunjung ke Pesta Makanan Halal Se-Malaysia.

[3 markah]

.....

.....

Lihat halaman sebelah
TERHAD

- 3 Tukarkan ayat susunan biasa di bawah ini kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Lelaki berbaju kot dan bertali leher itu pegawai teknologi maklumat.

(ii) Kanak-kanak itu bermain layang-layang di padang.


(iii) Pembelajaran Abad ke-21 akan dilaksanakan sepenuhnya di sekolah-sekolah.

(iv) Generasi muda perlu bijak menggunakan media sosial demi kesejahteraan negara.

(v) Terengganu amat masyhur dengan perusahaan kain batik yang berkualiti tinggi.

[10 markah]

- 4 Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

Lihat halaman sebelah
TERHAD

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 5 *Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah didengar oleh isterinya kata suaminya itu demikian, maka ia pun menangis. Maka kata suaminya, "Diamlah tuan dahulu, jangan menangis, biarlah kakanda pergi mencari akan tuan buah mempelam itu. Jikalau dapat oleh kakanda akan buah mempelam itu kakanda berikan kepada tuan."

Maka baharulah ia diam. Maka suaminya pun pergila berjalan. Setelah ia bertemu dengan kedai orang berjual buah itu, maka Miskin itu pun berhentilah di situ. Hendak pun dipintanya takut ia akan orang. Maka katanya orang berkedai, "Apa kehendakmu, Miskin?"

Maka sahut Miskin, "Jikalau ada belas serta kasihan tuan hamba akan orang daif lagi miskin telah terbuang itu, hamba hendak akan buah yang buruk-buruknya itu barang sebuah sahaja."

Maka terlalulah belas kasihan rasanya hati segala yang mendengar kata Si Miskin itu seperti akan hancur rasanya.

Maka ada yang memberi buah,
ada yang memberi juadah,
ada yang memberi nasi,
ada yang memberi kain,
ada yang memberi buah-buahan,
akan anak yang diidamkan oleh isterinya.

Dipetik daripada *Bahagia Sesudah Derita*,
antologi Bintang Hati tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah yang diterima oleh Si Miskin setelah mereka mendengar keluhannya dengan orang berkedai? [3 markah]

- (ii) Berikan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan prosa tersebut. [3 markah]

- (iii) Golongan miskin perlu dibantu agar nasib mereka terbaik.

Pada pendapat anda, apakah cara yang dapat dilakukan untuk membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

- 6 Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PESAN IBU BERIBU-RIBU

- | | |
|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Kita ada ibu
Ibu kita satu
Pesannya beribu-ribu. |
| 2 | Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
“Buat begini jangan begitu”
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk.”
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
“Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu.”
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesanan bertambah satu dan satu
“Jangan dibiarkan kepala berkutu
carilah ubat jerawat batu.” |
| 3 | Suatu senja
seorang temanku merintih
kerana kehilangan kekasih
kini baru disedarinya
pilihan musang berbulu arnab
biarpun menyamar cekap
ada masa termasuk perangkap
Si Bedul sudah ditangkap
Si Bedul di dalam lokap. |
| 4 | Dia menyatakan kesalnya
kerana dia alpa
ibunya berpesan sejak dulu
“Pilihlah kawan yang bermutu
Jangan dipilih kawan berhantu.”
Mengenangkan nasib temanku itu
.aku merindui pesanan ibu.
Ya, pesanan ibu. |

5

Ibu,
kuyakini kau mengenali
yang mana permata, yang mana kaca
yang mana budaya, yang mana buaya
berilah pesanan beribu-ribu
malah berpuluhan ribu
aku tidak akan jemu
ini janjiku kerana aku tahu
sempurna seorang ibu
dengan pesanan beribu-ibu.

Rahman Shaari

Anjong Deklamator, 2005

Pekan Ilmu Publications.

- (i) Berdasarkan rangkap kedua sajak, nyatakan dua pesanan ibu kepada anaknya semasa memilih kawan? [3 markah]

- (ii) Berikan dua persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [3 markah]

- (iii) Sahsiah diri cerminan keperibadian seseorang remaja.

Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh anda lakukan untuk membentuk sabsiah diri yang mulia? [4 markah]


[Lihat halaman sebelah

- 7 Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Jalan ke Puncak*, karya Juri Durabi
- (ii) *Meniti Impian*, karya Osman Ayob
- (iii) *Jejak MONPUS*, karya Zulaiha Paikon
- (iv) *Darah Titik di Semantan*, karya Arman Sani

Setiap novel mempunyai pengajaran yang boleh dicontohi oleh pembaca.

Jelaskan satu pengajaran bagi setiap latar tempat yang diberikan berserta contoh peristiwa yang sesuai.



[10 markah]

BAHAGIAN C

[15 markah]

- 8** Lihat biodata di bawah dengan teliti, kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

BIODATA SASTERAWAN NEGARA KE-13



Nama sebenar : Zurinah binti Hassan
Gelaran : Datuk Dr.
Tarikh Lahir : 13 Jun 1949
Tempat Lahir : Bakar Bata, Alor Setar, Kedah

Pendidikan :

- Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya (2008)
- Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia (2001)
- Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia (1974)

Karya :

- 19 buku antologi sajak, antologi puisi, kajian sastera, autobiografi, memoir, antologi cerpen dan novel.

Anugerah dan Pencapaian :

- Anugerah Tokoh Sasterawan Negara ke-13 (2016)
- Hadiah Sastera Perdana
- Anugerah Puisi Negara-negara ASEAN (*Sunthorn Phu Poet Laureate*, 2013)
- Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Award, 2004)
- Anugerah Puisi Putera (1984)


[15 markah]

BAHAGIAN D

[30 markah]

- 9 Lihat gambar dan maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian pilih satu daripada tiga soalan tersebut dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

PUSAT SUMBER SEKOLAH



[Lihat halaman sebelah
TERHAD

BAGIANA

HARGA

- (i) Setiap sekolah mempunyai kemudahan pusat sumber.

- Huraikan faedah-faedah mengunjungi pusat sumber sekolah.
Berbagai aktiviti telah dijalankan untuk menarik minat pelajar mengunjungi pusat sumber sekolah. Selaku setiausaha pengawas pusat sumber, anda diminta menulis laporan tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.
- Sediakan laporan itu selengkapnya.

- (iii) Pusat sumber sekolah menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada warga sekolah.

Berikan pendapat anda tentang ciri-ciri pusat sumber sekolah yang anda inginkan.

TERHAD

18

TERHAD

20

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT